



LAPORAN HARIAN BENCANA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 DISEMBER 2024

1/42

BANJIR MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2024/2025 : SEKILAS DATA



7
NEGERI



26
DAERAH



212
PPS AKTIF



19,638
KELUARGA




64,684
MANGSA



*8
KEMATIAN

Data sehingga jam 12.00 tengah hari



* Catatan: Data kematian adalah kumulatif sejak 5 November 2024



LAPORAN HARIAN BENCANA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 DISEMBER 2024

2/42

PERINCIAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	DAERAH	JUMLAH PPS	KELUARGA	MANGSA	TREND
Kelantan	Pasir Mas	43	7,357	22,441	Menurun
	Tumpat	46	6,413	20,465	Menurun
	Kota Bharu	1	111	403	Tidak Berubah
	Bachok	3	70	243	Tidak Berubah
	Tanah Merah	1	14	55	Tidak Berubah
	JUMLAH	94	13,965	43,607	Menurun
Terengganu	Kuala Nerus	15	1,681	6,415	Meningkat
	Dungun	20	1,023	4,215	Menurun
	Kuala Terengganu	8	504	2,115	Menurun
	Marang	3	43	186	Tidak Berubah
	Hulu Terengganu	3	44	163	Menurun
	Setiu	4	28	158	Tidak Berubah
	Kemaman	1	1	4	Menurun
	JUMLAH	54	3,324	13,256	Menurun
Kedah	Kota Setar	18	1,252	4,145	Meningkat
	Kubang Pasu	7	440	1,412	Menurun
	Pokok Sena	3	136	453	Menurun
	Padang Terap	1	35	141	Tidak Berubah
	JUMLAH	29	1,863	6,151	Menurun

* Trend: Perbandingan dengan data jam 6.00 pagi



LAPORAN HARIAN BENCANA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 DISEMBER 2024

3/42

PERINCIAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	DAERAH	JUMLAH PPS	KELUARGA	MANGSA	TREND
Johor	Segamat	18	256	892	Tidak Berubah
	Tangkak	2	48	170	Tidak Berubah
	JUMLAH	20	304	1,062	Tidak Berubah
Perak	Kinta	4	49	148	Tidak Berubah
	Hilir Perak	1	23	76	Tidak Berubah
	Kampar	1	28	74	Tidak Berubah
	Perak Tengah	2	23	70	Tidak Berubah
	Larut, Matang dan Selama	1	4	15	Tidak Berubah
	JUMLAH	9	127	383	Tidak Berubah
Melaka	Jasin	2	44	172	Tidak Berubah
	JUMLAH	2	44	172	Tidak Berubah
Pahang	Bera	2	9	41	Meningkat
	Temerloh	2	2	12	Tidak Berubah
	JUMLAH	4	11	53	Meningkat
JUMLAH KESELURUHAN		212	19,638	64,684	Menurun

* Trend: Perbandingan dengan data jam 6.00 pagi



LAPORAN HARIAN BENCANA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 DISEMBER 2024

4/42



SITUASI TERKINI

- Sehingga 4 Disember 2024, jam 12.00 tengah hari, terdapat **26 daerah di tujuh (7) negeri** (Kelantan, Terengganu, Kedah, Johor, Perak, Melaka dan Pahang) yang dilanda banjir dengan **pengurangan jumlah mangsa kepada 64,684 dalam tempoh 24 jam** (berbanding **90,585 mangsa** pada 3 Disember 2024). Ia melibatkan **19,638 keluarga** yang ditempatkan di **212 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**. Jumlah PPS yang dibuka juga menurun berbanding **354 PPS** pada 3 Disember 2024.
- Tiga (3) daerah yang paling teruk terjejas adalah daerah Pasir Mas, Kelantan (22,441 mangsa), daerah Tumpat, Kelantan (20,465 mangsa) dan daerah Kuala Nerus, Terengganu (6,415 mangsa).
- Profil ketiga-tiga daerah tersebut berdasarkan **Dashboard Bencana** yang disediakan oleh pihak NADMA adalah seperti di **Lampiran 1**.
- Terdapat **lapan (8) kematian** yang melibatkan satu (1) lelaki dewasa di **Machang, Kelantan (27 November 2024)**, satu (1) lelaki dewasa di **Kapit, Sarawak (27 November 2024)**, satu (1) lelaki dewasa di **Pasir Puteh, Kelantan (27 November 2024)**, satu (1) lelaki dewasa di **Besut, Terengganu (28 November 2024)**, satu (1) kanak-kanak lelaki di **Tumpat, Kelantan (28 November 2024)**, dua (2) lelaki dewasa di **Machang, Kelantan (1 Disember 2024)** dan satu (1) lelaki dewasa di **Dungun, Terengganu (2 Disember 2024)** direkodkan setakat ini.

- Situasi cuaca semasa melalui imej radar MET Malaysia mendapati bahawa **cuaca adalah baik di seluruh negara** kecuali hujan lebat yang turun di pantai timur Semenanjung pada sebelah awal pagi tadi. **Taburan hujan terkumpul pada 4 Disember 2024** dari jam 12.00 tengah malam sehingga 1.00 petang adalah seperti di **Lampiran 3**.
- Sehingga 4 Disember 2024, jam 12.00 tengah hari, **tiga (3) Amaran Banjir** yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) masih berkuat kuasa, iaitu **Amaran Banjir Negeri Pahang (Sg. Pahang, Jerantut)**, **Amaran Banjir Negeri Perak (Sg. Bidor, Hilir Perak)** dan **Amaran Banjir Negeri Terengganu (Sg. Besut, Besut dan Sg. Setiu, Setiu)**.
- Status aras air semasa sehingga 4 Disember 2024 jam 06.00 pagi yang dikeluarkan oleh JPS adalah seperti di **Lampiran 4**.



IMPAK

- Anggaran bilangan rumah yang masih terkesan pada 4 Disember 2024 adalah sebanyak **19,638 buah rumah**.
- Berdasarkan rekod tanah runtuhan JMG MTL 2024-2025 sehingga **3 Disember 2024**, terdapat **tujuh (7) rekod tanah runtuhan baharu** di **Terengganu** iaitu **lima (5) di Dungun** (Kampung Satung, Bukit Beri 1, Bukit Beri 2, Bukit Beri 3 dan Kampung Tebing Tembah) serta **dua (2) di Hulu Terengganu** (Kampung Padang Tara dan Kampung Pasir Dula). Kumulatif kejadian tanah runtuhan sepanjang MTL adalah sebanyak **19 kejadian**.
- JMG Negeri akan menjalankan tinjauan ke lokasi tanah runtuhan tersebut dan mengambil tindakan selanjutnya.
- Mengikut laporan **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** sehingga **4 Disember 2024 jam, 8.00 pagi**, jumlah institusi pendidikan terjejas banjir telah menurun kepada **105 sekolah** berbanding **128 sekolah** pada 3 Disember 2024, iaitu:
 - Kelantan: 67 premis** - 55 sekolah rendah dan 12 sekolah menengah;
 - Kedah: 14 premis** - 11 sekolah rendah dan tiga (3) sekolah menengah;
 - Pahang: 12** - sembilan (9) sekolah rendah dan tiga (3) sekolah menengah;
 - Terengganu: 7 premis** - enam (6) sekolah rendah dan satu (1) sekolah menengah;
 - Negeri Sembilan: dua (2) premis** - sekolah rendah;
 - Perak: satu (1) premis** - sekolah rendah;
 - Sarawak: satu (1) premis** - sekolah rendah; dan
 - Melaka: satu (1) premis** - Pusat Kokurikulum.



MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- Tiga (3) stesen meteorologi yang mencatatkan jumlah hujan harian tertinggi pada 3 Disember 2024 adalah **Kepong, Kuala Lumpur (155.1 mm)**; **Raub, Pahang (122.1 mm)** dan **Kota Kinabalu, Sabah (76.4 mm)**. Jumlah hujan harian tertinggi pada 3 Disember 2024 daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) adalah seperti di **Lampiran 2**.
- Cuaca di rantau negara adalah baik dan dijangka berterusan sehingga 7 Disember 2024 dan tiada amaran hujan lebat berperingkat yang sedang berkuat kuasa buat masa ini.
- Berdasarkan analisis model-model cuaca terkini, **luruhan monsun** dijangka bermula pada **8 hingga 14 Disember 2024** dan dijangkakan **kekuatan luruhan monsun seterusnya tidak sekutu luruhan monsun yang lepas**.
- Keadaan ini berpotensi menyebabkan **hujan berterusan di timur Semenanjung, barat dan selatan Sarawak serta timur Sabah** dalam tempoh berkenaan. Sehubungan dengan itu, amaran hujan lebat berperingkat akan dikeluarkan sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga (3) hari sebelum kejadian.



LAPORAN HARIAN BENCANA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 DISEMBER 2024

5/42



IMPAK

- Terdapat **144 institusi pendidikan** masih dijadikan PPS yang melibatkan **115 sekolah rendah** dan **29 sekolah menengah**, iaitu:
 - **Kelantan:** **69 premis** - 48 sekolah rendah dan 21 sekolah menengah;
 - **Terengganu:** **38 premis** - 34 sekolah rendah dan empat (4) sekolah menengah;
 - **Kedah:** **27 premis** - 23 sekolah rendah dan empat (4) sekolah menengah;
 - **Perak:** **empat (4) premis** - sekolah rendah;
 - **Johor:** **tiga (3) premis** - sekolah rendah;
 - **Melaka:** **dua (2) premis** - sekolah rendah; dan
 - **Pahang:** **satu (1)** - sekolah rendah.
- Seramai **9,118 orang** terdiri daripada **8,893 murid, 181 guru/ Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP)** dan **44 pegawai** masih berada di **PPS premis sekolah** di beberapa negeri: Kelantan (6,637 orang), Terengganu (1,589 orang), Kedah (850 orang), Melaka (36 orang), Johor (4 orang) dan Perak (2 orang).
- Setakat **4 Disember 2024**, susulan hujan dan diikuti banjir di **beberapa daerah di Kelantan, Terengganu** dan **Kedah**, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menutup bekalan di beberapa pencawang elektrik seperti di **Lampiran 5** bagi memastikan keselamatan para pengguna setempat.
- Tiada PPS yang terjejas bekalan elektrik di daerah yang dilanda banjir.
- Tindakan-tindakan yang telah diambil di daerah yang dilanda banjir ialah pemasangan genset di kawasan yang tiada bekalan elektrik apabila keadaan selamat.
- Pihak TNB akan menutup bekalan elektrik sekiranya keadaan banjir bertambah buruk, berisiko serta membahayakan keselamatan. Penutupan bekalan elektrik akan dilakukan di pencawang elektrik yang terlibat bagi mengelakkan sebarang kemalangan atau kehilangan nyawa.
- Berdasarkan laporan oleh **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** pada **3 Disember 2024**, terdapat **118 fasiliti kesihatan** terjejas banjir berbanding 109 pada 2 Disember 2024; iaitu **74 di Kelantan:** Pasir Mas (26), Tumpat (13), Pasir Puteh (10), Kuala Krai (6), Machang (6), Tanah Merah (5), Kota Bharu (4) dan Bachok (4); **30 di Terengganu:** Hulu Terengganu (11), Besut (8), Dungun (5), Setiu (4), Marang (1) dan Kuala Terengganu (1); **sembilan (9) di Kedah:** Kota Setar (7), Sik (1) dan Kubang Pasu (1); **dua (2) di Negeri Sembilan:** Kuala Pilah dan Jempol; **dua (2) di Pahang:** Raub dan Jerantut serta **satu (1) di Perak:** (Kampar).
- Perincian fasiliti kesihatan yang terjejas banjir adaah seperti di **Lampiran 6**.
- Berdasarkan laporan oleh **Jabatan Kerja Raya (JKR), 4 Disember 2024 jam, 10.00 pagi**, terdapat **112 lokasi** jalan yang terjejas disebabkan oleh bencana yang melibatkan **45 jalan persekutuan** dan **67 jalan negeri**. Sebanyak (64) melibatkan banjir, (19) cerun runtuh, (11) banjir kilat, (11) jalan runtuh, (6) jalan mendap dan (1) jambatan rosak/ runtuh. Pecahan lokasi mengikut negeri adalah **Kelantan (68), Kedah (25), Terengganu (8), Pahang (6), Perak (2), Negeri Sembilan (2)** dan **Selangor (1)**.
- Maklumat yang disediakan oleh pihak JKR berhubung **jalan yang ditutup** dan **penyediaan jalan alternatif** di kawasan yang dilanda banjir sehingga **4 Disember 2024, jam 10.00 pagi** adalah seperti di **Lampiran 7**.
- **Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)** melaporkan, secara keseluruhannya sehingga **4 Disember 2024 jam, 09.00 pagi**, terdapat **313 stesen pemancar telekomunikasi** terjejas akibat banjir di empat (4) negeri; iaitu di **Kelantan (257), Terengganu (49), Pahang (6)** dan **Johor (1)**.
- **216 daripadanya telah beroperasi** sepenuhnya, manakala **97 lagi masih belum beroperasi**.
- Tiada kes yang dilaporkan oleh pemberi perkhidmatan kepada SKMM mengenai insiden melibatkan infrastruktur komunikasi yang mengancam keselamatan orang ramai. Namun pihak SKMM dan pemberi perkhidmatan sentiasa berwaspada dan menerima aduan dari orang awam dan mana-mana pihak sekiranya ada kes yang melibatkan ancaman keselamatan infrastruktur komunikasi untuk diambil tindakan selanjutnya.
- Laporan dari **Polis Diraja Malaysia (PDRM)**, sehingga 4 Disember 2024, terdapat **31 premis PDRM yang terjejas banjir di negeri Kelantan**, iaitu: **enam (6) balai:** Balai Polis Rantau Panjang, Balai Polis Jeram Perdah, Balai Polis Bakong, Balai Polis Meranti, Balai Polis Kuala Jambu dan Balai Polis Simpangan serta **25 POS Pasukan Gerakan Am (PGA):** Martak Lubok Setol, Pos Ibrahim Pencen, Pos Haiwan, Pos Sharifah, Pos Terusan, SJR Chabang Empat Salam, Sekat Pintas Serongga, SJR Banggol Kong, Pos Kubang Pak Hitam, Pos Salleh Berek, Pos Pak Atah, Pos Mek Gombak, Pos Pulau, Pos Wakaf Zin, Sekat Pintas Jejawi, Sekat Pintas Bukit Lata, Pos Kaldi, Pos Naga Ibu, Pos Pisau Raut, Pos Nibong, SJR Neting, Pos Simpangan, Pos Ular, Sekat Pintas Mentua dan SJR Sri Tujuh.
- **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)** juga melaporkan, sehingga 4 Disember 2024, terdapat **satu (1) premis bomba terjejas akibat banjir di negeri Kelantan**, iaitu Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Rantau Panjang.



LAPORAN HARIAN BENCANA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 DISEMBER 2024

6/42



PERSIAPAN AGENSI KERAJAAN

- Peruntukan untuk menguruskan bencana telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan Kelantan.
- NADMA selaku urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) akan sentiasa memastikan semua agensi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana di semua peringkat.
- Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah diaktifkan di negeri-negeri yang dilanda banjir bagi memastikan PPS dilengkapi dengan kemudahan asas yang mencukupi dan menyelaras semua aktiviti tindak balas melibatkan pelbagai agensi.
- Bagi memastikan keselesaan dan kebajikan mangsa banjir, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bersedia untuk mengaktifkan **8,481 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)** yang mempunyai kapasiti untuk menempatkan **2,158,743 mangsa** di seluruh negara. Pecahan bilangan dan kategori PPS di setiap negeri adalah seperti di **Lampiran 8**.
- **63 orang** kekuatan tambahan **kakitangan dan sukarelawan JKM** di Putrajaya membantu **agihan barang** dan **pendaftaran** serta pengurusan di PPS.
- Bekalan makanan di setiap PPS adalah mencukupi. Senarai **logistik dan fasiliti penyimpanan bantuan bencana** yang disediakan oleh JKM adalah seperti di **Lampiran 9**.
- Lokasi penyimpanan makanan di kawasan yang dilanda banjir adalah di Depoh Simpanan Keperluan Bencana, Stor Bencana dan Pangkalan Hadapan.
- Antara jenis bantuan makanan yang diberikan kepada mangsa banjir di PPS adalah **keperluan asas, bahan mentah memasak, makanan berbungkus (packed food) dan bantuan gotong royong** dengan kebenaran JPBD dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB).
- Selain itu, bantuan lain yang diberikan adalah barang keperluan asas seperti **hygien kit, kit keluarga dan refreshment kit**.
- Pihak JKM telah memberikan sesi intervensi melalui pasukan psikologi untuk membantu mangsa di PPS dalam menangani situasi bencana banjir yang dialami.
- JKM juga memperkenalkan makanan *retort* sebagai makanan pemula kepada mangsa yang berpindah ke PPS.
- JKM menggunakan jalan udara bagi menghantar barang keperluan asas dan makanan kepada mangsa banjir dengan bantuan agensi tindak balas.
- Seramai 72 orang kakitangan dan sukarelawan JKM Fasa 2 telah digerakkan ke Kelantan bagi membantu JKM negeri Kelantan.
- Sehingga 4 Disember 2024, JPS telah menempatkan **448 unit pam bergerak** di seluruh negara dan berdasarkan jumlah tersebut, **14 pam masih beroperasi** iaitu: Terengganu (5), Kelantan (3), Kedah (2), Johor (2), Perak (1) dan Selangor (1). Kedudukan semasa pam seperti di **Lampiran 10**.
- Pemasangan WIFI oleh syarikat TELCO di PPS.
- Kerajaan telah menyediakan peruntukan awal kepada semua negeri dan Agensi Tindak Balas bagi tujuan pengoperasian dan bantuan kewangan kepada mangsa bencana semasa MTL 2024/2025.
- **Perincian jumlah kekuatan anggota dan asset agensi tindak balas** yang ditempatkan di negeri-negeri dilanda banjir adalah seperti di **Lampiran 11**.
- Penambahan anggota dan asset pasukan penyelamat dari negeri-negeri lain ke negeri Kelantan dan Terengganu telah dilaksanakan bagi membantu kedua-dua negeri tersebut menghadapi banjir.
- NADMA telah mengaktif dan mempengaruhi **Mesyuarat Penyelaras Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Pusat** bersama semua PKOB negeri yang terlibat dengan banjir MTL, agensi teknikal dan agensi tindak balas bagi memastikan bencana banjir dapat diuruskan dengan cekap dan berkesan khususnya yang melibatkan pemindahan mangsa ke PPS serta keperluan dan kebajikan mangsa di PPS.
- Di antara keputusan utama mesyuarat PKOB Pusat yang bersidang pada hari ini adalah penghantaran kit makanan tambahan, peruntukan darurat oleh JKM, pergerakan sukarelawan dan penghantaran bantuan melalui udara dengan bantuan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Mesyuarat juga mengambil maklum akan kenyataan oleh KPM bahawa urusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berjalan lancar.
- YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara pada **4 Disember 2024** telah mempengaruhi Mesyuarat Khas Penyelaras Bencana Banjir di NADMA yang bertujuan untuk melaporkan situasi bencana semasa dan mengaturgerak Skuad Ihsan Madani bagi membantu aktiviti pasca bencana di negeri-negeri terjejas banjir. Perancangan aktiviti Skuad Ihsan Madani yang teratur penting mengambil kira ramalan luruhan monsun ke-3 yang dijangka pada 8 hingga 14 Disember 2024, membawa hujan lebat berterusan dan berpotensi menyebabkan banjir ulangan.
- Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.



LAPORAN HARIAN BENCANA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 DISEMBER 2024

7/42



MAKLUMAT PERGERAKAN NGO

- Bermula Monsun Timur Laut MTL pada **5 November sehingga 4 Disember 2024**, terdapat **81 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)** yang berdaftar di bawah Rakan NADMA telah menyalurkan bantuan seperti keperluan **makanan dan minuman, kit kebersihan, pakaian, bantuan mencari dan menyelamat, logistic dan keperluan bayi** di beberapa negeri iaitu di **Negeri Terengganu, Kelantan, Kedah, Johor dan Negeri Sembilan**. NGO turut memberikan sumbangan ahli sukarelawan dalam **membantu pelaksanakan kerja-kerja pengagihan bantuan, khidmat kebersihan mengemas kelas dan sumbangan set generator, memasang khemah** dan membantu di **Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB)**.
- Selain itu, dengan kekuantan **20 orang NGO** yang terdiri daripada **doktor dan sukarelawan perubatan** telah berada di Kelantan untuk memberikan bantuan.
- Terdapat juga, **10 orang sukarelawan dari NGO** yang terlibat dalam misi bantuan banjir juga telah memberikan bantuan **khidmat kaunseling** di Dewan Dato Azman Mahalan, Kampar, Perak.
- Beberapa **NGO melalui kerjasama daripada Badan Penderma** sedang menghantar bantuan kepada mangsa banjir melibatkan sebanyak **30 Ribu barang keperluan** di beberapa PPS yang terkesan. Antara barang keperluan yang diagihkan ialah seperti **selimut, kain sarong, kain pelikat, tuala, tin sardin, kari ayam bersama kentang, hygiene kit, toto, biskut, roti dan air mineral**. Bantuan ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban mangsa banjir.
- NGO juga akan memberikan khidmat pertolongan cemas asas kepada mangsa banjir jika diperlukan.



NASIHAT DAN INFO SELANJUTNYA

- **Tip Keselamatan Banjir :**
 - ✓ Bersedia dengan beg kecemasan;
 - ✓ Segera berpindah ke PPS yang disediakan apabila diarahkan;
 - ✓ Pergi ke tempat tinggi dan selamat;
 - ✓ Jangan biarkan kanak-kanak bermain air di kawasan banjir, longkang, lombong, badan air dan sungai; dan
 - ✓ Jangan sentuh peralatan elektrik, kabel atau wayar.
- Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>



LAPORAN HARIAN BENCANA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 DISEMBER 2024

8/42

Lampiran 1

PROFIL KAWASAN YANG TERUK TERJEJAS BANJIR BERDASARKAN DASHBOARD BENCANA NADMA

BIL.	DAERAH	JUMLAH PENDUDUK	JUMLAH TEMPAT KEDIAMAN	JUMLAH ISI RUMAH	SEKOLAH	FASILITI KESIHATAN	JUMLAH HOTSPOT BANJIR
1.	Pasir Mas	230,424	54,924	45,128	83	33	217
2.	Tumpat	179,943	42,113	34,817	48	31	38
3.	Kuala Nerus	145,642	38,903	35,392	45	16	48



LAPORAN HARIAN BENCANA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400


4 DISEMBER 2024

9/42

Lampiran 2

JUMLAH HUJAN HARIAN TERTINGGI PADA 3 DISEMBER 2024

BIL.	NEGERI	DAERAH	STESEN METEOROLOGI	TOTAL (mm)
1.	W.P. KUALA LUMPUR	Kuala Lumpur	FRIM Kepong, KUALA LUMPUR	155.1
2.	PAHANG	Raub	FELDA Sg.Koyan, Raub, PAHANG	122.1
3.	SABAH	Kota Kinabalu	Stesen Meteorologi L.T.A. Kota Kinabalu, Kota Kinabalu, SABAH	76.4
4.	SARAWAK	Limbang	Pertanian Lawas, Limbang, SARAWAK	68.0
5.	JOHOR	Kulai	Felda Bkt.Batu, Kulai, JOHOR	56.2
6.	KELANTAN	Gua Musang	Felda Chiku 3, Gua Musang, KELANTAN	55.2
7.	KELANTAN	Gua Musang	Jabatan Pertanian Lojing, Gua Musang, KELANTAN	47.3
8.	JOHOR	Tangkak	HospitalTangkak, Tangkak, JOHOR	45.8
9.	SARAWAK	Bintulu	Stesen Meteorologi L.T. Bintulu, Bintulu, SARAWAK	45.4
10.	SARAWAK	Miri	Curtin University, Miri, SARAWAK	43.5



* Hanya 10 stesen meteorologi tertinggi dipaparkan



LAPORAN HARIAN BENCANA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)



<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 DISEMBER 2024

10/42

Lampiran 3

TABURAN HUJAN TERKUMPUL PADA 4 DISEMBER 2024 DARI JAM 12.00 TENGAH MALAM HINGGA 1.00 PETANG





LAPORAN HARIAN BENCANA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 DISEMBER 2024

11/42

Lampiran 4

STATUS AIR SEMASA PADA 4 DISEMBER 2024 JAM 6.00 PAGI

STATUS ARAS AIR SEMASA DI KELANTAN



2



Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Semasa Terakhir	Trend
<u>Sg. Golok di Rantau Panjang (F1)</u>	Sungai Golok	Pasir Mas	7	8	9	9.72	Menurun
<u>Sg. Golok di Kuala Jambu (F1)</u>	Sungai Golok	Tumpat	2	2.5	3	3.75	Menurun



LAPORAN HARIAN BENCANA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 DISEMBER 2024

12/42

STATUS AIR SEMASA PADA 4 DISEMBER 2024 JAM 6.00 PAGI

STATUS ARAS AIR SEMASA DI TERENGGANU



3



Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Semasa Terakhir	Trend
Parit Utama di Padang Kemunting (F1)	Sungai Terengganu	Kuala Nerus	3.2	3.6	3.8	3.84	Menurun
Sg. Nerus di Kg. Jeram	Sungai Terengganu	Kuala Nerus	2	3.2	3.7	3.71	Menurun

PRABN

PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

*Bacaan dalam meter (m)



LAPORAN HARIAN BENCANA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 DISEMBER 2024

13/42

STATUS AIR SEMASA PADA 4 DISEMBER 2024 JAM 6.00 PAGI

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Semasa Terakhir	Trend
<u>Sg. Pahang di Lubuk Paku</u>	Sungai Pahang	Maran	17.00	18.00	19.00	19.06	Menaik
<u>Sg. Pahang di Kg. Chenor (F1)</u>	Sungai Pahang	Maran	20.70	22.10	25.00	22.45	Mendatar
<u>Sg. Pahang di Waterfront (F1)</u>	Sungai Pahang	Bera	26.00	27.00	28.00	27.82	Menurun
<u>Sg. Pahang di Kuala Sg. Chini (F1)</u>	Sungai Pahang	Pekan	14.27	14.46	14.90	14.63	Menaik



LAPORAN HARIAN BENCANA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 DISEMBER 2024

14/42

STATUS AIR SEMASA PADA 4 DISEMBER 2024 JAM 6.00 PAGI



5

STATUS ARAS AIR SEMASA DI KEDAH



Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Semasa Terakhir	Trend
<u>Sg. Anak Bukit di Taman Aman</u>	Sungai Kedah	Kota Setar	2.0	2.3	2.6	3.29	Menurun
<u>Sg. Anak Bukit di Jambatan TAR</u>	Sungai Kedah	Kota Setar	1.4	1.5	1.7	2.17	Menurun

PRABN

PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

*Bacaan dalam meter (m)



LAPORAN HARIAN BENCANA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 DISEMBER 2024

15/42

STATUS AIR SEMASA PADA 4 DISEMBER 2024 JAM 6.00 PAGI

STATUS ARAS AIR SEMASA DI PERAK



6

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Semasa Terakhir	Trend
<u>Sg. Rui di Jam. Jln. Raya Perak (RHN)</u>	Sungai Perak	Hulu Perak	165.4	165.5	165.9	166.08	Menaik

PRABN

PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

*Bacaan dalam meter (m)



LAPORAN HARIAN BENCANA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 DISEMBER 2024

16/42

STATUS AIR SEMASA PADA 4 DISEMBER 2024 JAM 6.00 PAGI

STATUS ARAS AIR SEMASA DI MELAKA



7

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Semasa Terakhir	Trend
<u>Sg. Kesang di Rumah Pam Telok Rimba (F2)</u>	Sungai Kesang	Jasin	5.0	5.3	5.6	5.48	Menurun
<u>Sg. Siput di Kg. Sq. Siput (F2)</u>	Sungai Linggi (Melaka)	Alor Gajah	6.0	7.0	8.0	7.78	Menaik

PRABN

PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

*Bacaan dalam meter (m)



LAPORAN HARIAN BENCANA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 DISEMBER 2024

17/42

STATUS AIR SEMASA PADA 4 DISEMBER 2024 JAM 6.00 PAGI

8

STATUS ARAS AIR SEMASA DI JOHOR

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Semasa Terakhir	Trend
<u>Sg. Muar di Buloh Kasap</u>	Sungai Muar	Segamat	7.92	8.53	9.14	9.99	Menurun
<u>Sg. Muar di Jeti Kg. Tekam</u>	Sungai Muar	Segamat	2.5	3.5	4.0	4.74	Menaik

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Semasa Terakhir	Trend
<u>Sg. Muar di Kg. Awat</u>	Sungai Muar	Segamat	18.95	19.35	19.95	19.47	Menurun
<u>Sg. Tangkak di Kg. Seri Ma'amor</u>	Sungai Kesang (Johor)	Tangkak	3.00	3.50	4.00	3.92	Menurun
<u>Sg. Kesang di Telok Rimba</u>	Sungai Kesang (Johor)	Tangkak	2.5	3	3.5	3.09	Menurun
<u>Sg. Paya Dato</u>	Sungai Jemaluang	Mersing	1.0	1.5	2.0	1.51	Menaik



LAPORAN HARIAN BENCANA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 DISEMBER 2024

18/42

RINGKASAN STATUS AIR SEMASA PADA 4 DISEMBER 2024 JAM 6.00 PAGI

RINGKASAN STATUS ARAS AIR SEMASA

(4 DISEMBER 2024, 6.00 PAGI)



9

NEGERI	ARAS BAHAYA (BILANGAN)	ARAS AMARAN (BILANGAN)
Kelantan	2	0
Terengganu	2	0
Pahang	1	3
Kedah	2	0
Perak	1	0
Melaka	0	2
Johor	2	4
JUMLAH	10	9

PRABN

PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

*Bacaan dalam meter (m)



LAPORAN HARIAN BENCANA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 DISEMBER 2024

19/42

Lampiran 5

PENUTUPAN BEKALAN ELEKTRIK DI BEBERAPA PENCAWANG ELEKTRIK

BIL.	NEGERI	DAERAH	KAWASAN
1.	Kelantan	Pasir Mas	Prima LBK Jong, Desa Wira Jaya, Kusar, Gual Pinang, Serongga, Kampung Merbau Serongga, Gual Sitok, JPS Bendang Guchil, Gual Nering, Kubang Jong, Taman Sri Naim, Bandar Baru Pasir Mas, Kampung Kolam, Kampung Pengkalan China, Meranti, Pusat Kesihatan Meranti, Telekom Meranti, Kampung Chap Meranti, JPS Bakat 2, Tersang, Booster Jeram Perdah, Balai Polis Jeram Perdah, Bukit Lata, Bongor, Jejawi Pasir Mas, JPS Pengkalan Rakit, SMA Al-Falah, Meranti Besar, Gading, Riyadul Kebun Raja, Merbau, Pohon Tanjung, Senor Meranti, Pam Tok Rusa, Kubang Tembakan, Tasek Permai, UPP Rantau Panjang, Kedap, Gual Tok Deh, Kuarters Kastam, Kebakat, Lubuk Laksa, Kubang Kual, Kuin Merah dan Kubang Kual
		Tumpat	Pam Teluk Jering, Kampung Kubang Sawa, Kampung Jejulok, Kajang Sebidang, Bendang Pak Yong, Pisau Raut, Simpangan, Bendang Pak Yong, Rumah Pam Simpangan, Pam Bendang Ana, Telok Jering, Cherang Melintang, Penggu dan JPS Pengkalan Nangka
2.	Kedah	Sik	JPS Padang Chicar
		Alor Setar	Alor Madi, Pulau Kerengga dan Alor Perang
3.	Terengganu	Marang	Panji Alam
		Kuala Terengganu	Lingai Bata dan Desa Baruh Tanjung Damai



LAPORAN HARIAN BENCANA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 DISEMBER 2024

20/42

Lampiran 6

MAKLUMAT FASILITI KKM YANG TERJEJAS BANJIR

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA FASILITI KESIHATAN YANG TERLIBAT	STATUS OPERASI	PERKHIDMATAN DIPINDAHKAN (TEMPAT)	TARIKH TUTUP	TARIKH BUKA SEMULA	TAHAP SEVERITI	KATEGORI FASILITI
1.	Kelantan	Pasir Mas	KK Pangkal Kala	Beroperasi		27/11/2024	-	5	KK
2.	Kelantan	Pasir Mas	KK Gual Periok	Pindah Operasi	KK Rantau Panjang	27/11/2024	-	5	KK
3.	Kelantan	Pasir Mas	KK Tendong	Pindah Operasi	KK Bandar Pasir Mas	29/11/2024-	-	6	KK
4.	Kelantan	Pasir Mas	PMA Rantau Panjang	Pindah Operasi	KK Rantau Panjang	29/11/2024-	-	5	PMA
5.	Kelantan	Pasir Mas	KK Baroh Pial	Beroperasi	-	29/11/2024	30/11/2024	2	KK
6.	Kelantan	Pasir Mas	KD Kg.Rahmat	Pindah Operasi	KK Rantau Panjang	27/11/2024	-	5	KD
7.	Kelantan	Pasir Mas	KD Lubok Setol	Pindah Operasi	KK Rantau Panjang	27/11/2024	-	5	KD
8.	Kelantan	Pasir Mas	KD Pohon Tanjung	Pindah Operasi	Kk Bandar Pasir Mas	27/11/2024	-	6	KD
9.	Kelantan	Pasir Mas	KD Jejawi	Pindah Operasi	KD Repek	27/11/2024	-	5	KD
10.	Kelantan	Pasir Mas	KD Chetok	Beroperasi		27/11/2024	1/12/2024	5	KD
11.	Kelantan	Pasir Mas	KD Bunut Susu	Beroperasi		27/11/2024	1/12/2024	5	KD
12.	Kelantan	Pasir Mas	KD Gelang Mas	Pindah Operasi	KK Bandar Pasir Mas	27/11/2024	-	5	KD
13.	Kelantan	Pasir Mas	KD Pohon Buloh	Beroperasi	KK Bandar Pasir Mas	27/11/2024	2/12/2024	5	KD
14.	Kelantan	Kuala Krai	KK Bahagia	Beroperasi	-		-	2	KK
15.	Kelantan	Kuala Krai	KD Pasir Kelang	Beroperasi	-		-	2	KD
16.	Kelantan	Kuala Krai	KD Kuala Nal	Beroperasi	-		-	2	KD
17.	Kelantan	Kuala Krai	KD Chenulang	Beroperasi	-		-	2	KD
18.	Kelantan	Kota Bharu	KK Kok Lanas	Beroperasi	-	27/11/2024	28/11/2024	5	KK
19.	Kelantan	Pasir Puteh	KD Bukit Abal (Stor)	Beroperasi	-	-	-	5	KD
20.	Kelantan	Pasir Puteh	KD Wakaf Bunut	Beroperasi	-	-	-	1	KD



LAPORAN HARIAN BENCANA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 DISEMBER 2024

21/42

MAKLUMAT FASILITI KKM YANG TERJEJAS BANJIR

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA FASILITI KESIHATAN YANG TERLIBAT	STATUS OPERASI	PERKHIDMATAN DIPINDAHKAN (TEMPAT)	TARIKH TUTUP	TARIKH BUKA SEMULA	TAHAP SEVERITI	KATEGORI FASILITI
21.	Kelantan	Tumpat	KD Simpangan	Pindah Operasi	KK Bunohan	27/11/2024	-	5	KD
22.	Kelantan	Machang	KK Bukit Bakar	Beroperasi	-	27/11/2024	1/12/2024	5	KK
23.	Kelantan	Machang	KD Paloh Rawa	Beroperasi	KD Wakaf Bata	27/11/2024	1/12/2024	5	KD
24.	Kelantan	Tanah Merah	KD Kulim	Beroperasi	KK Gual Ipoh	27/11/2024	1/12/2024	5	KD
25.	Kelantan	Kota Bharu	KP di KK Kok Lanas	Pindah Operasi	KP di KK Perol, KP di KK Ketereh		-	6	KP
26.	Kelantan	Pasir Mas	KP di KK Meranti	Pindah Operasi	KP di KK Pasir Mas , KP Pasir Mas			5	KP
27.	Kelantan	Pasir Mas	KP di KK Tendong	Beroperasi	-	-	-	2	KP
28.	Kelantan	Pasir Mas	KP di KK Rantau Panjang	Beroperasi	-	-	-	2	KP
29.	Kelantan	Bachok	KP di KK Gunung	Beroperasi	-	-	-	1	KP
30.	Kelantan	Pasir Puteh	KP di KK Selising	Beroperasi	-	27/11/2024	29/11/2024	5	KP
31.	Kelantan	Machang	KP di KK Temangan	Beroperasi	-	27/11/2024	1/12/2024	5	KP
32.	Terengganu	Hulu Terengganu	KD Padang Setar	Pindah Operasi	KD Bukit Gemuroh	27/11/2024	-	5	KD
33.	Terengganu	Hulu Terengganu	KD Felda Tersat	Pindah Operasi	KK Kuala Berang	27/11/2024	-	5	KK
34.	Terengganu	Hulu Terengganu	KK Felda Mengkawang	Beroperasi	-	-	-	2	KK
35.	Terengganu	Hulu Terengganu	KP Tengkawang	Beroperasi	-	28/11/2024	3/12/2024	2	KP
36.	Terengganu	Besut	KD La	Beroperasi	-	-	-	2	KD
37.	Terengganu	Besut	KD Tenang	Beroperasi	-	-	-	2	KD
38.	Terengganu	Besut	KD Bukit Payong	Beroperasi	-	-	-	2	KD



LAPORAN HARIAN BENCANA #07

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

4 DISEMBER 2024

22/42

MAKLUMAT FASILITI KKM YANG TERJEJAS BANJIR

BIL	N57EGERI	DAERAH	NAMA FASILITI KESIHATAN YANG TERLIBAT	STATUS OPERASI	PERKHIDMATAN DIPINDAHKAN (TEMPAT)	TARIKH TUTUP	TARIKH BUKA SEMULA	TAHAP SEVERITI	KATEGORI FASILITI
39.	Terengganu	Besut	KD Keruak	Beroperasi	-	-	-	2	KD
40.	Terengganu	Besut	KD Alor Keladi	Beroperasi	-	-	-	1	KD
41.	Terengganu	Besut	KP Pasir Akar Baharu	Beroperasi	-	28/11/2024	3/12/2024	1	KP
42.	Terengganu	Besut	KP Kuala Besut	Beroperasi	-	29/11/2024	3/12/2024	1	KP
